NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75 **20hb Oktober 2022** **No. 42**

No. 4879.

ENAKMEN PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR 2009

STATE OF SELANGOR MALAY CUSTOM AND HERITAGE CORPORATION ENACTMENT 2009

PERISYTIHARAN OBJEK BERSEJARAH

DECLARATION OF HISTORICAL OBJECT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(2) Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 [*Enakmen No. 4/2009*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor mengisytiharkan objek yang dinyatakan dalam Jadual sebagai objek bersejarah:

JADUAL

Kategori	*Objek Bersejarah*
Nasi	Nasi Ambeng

Ciri-ciri Nasi Ambeng Negeri Selangor:

(a) nasi putih (kosong);

(b) ayam masak semur iaitu ayam masak kicap berempah;

(c) mi goreng;

(d) ikan masin bulu ayam yang digoreng tanpa tepung;

(e) serunding kelapa yang kering kuning keperangan;

CamScanner

Kategori	*Objek Bersejarah*

(*f*) sambal goreng iaitu gorengan campuran bawang, cili, udang kering, hati ayam, tauhu, tempe, fucuk, suun, kentang, kacang panjang dan sedikit kicap; dan

(*g*) rempeyek iaitu bancuhan tepung beras yang diadun bersama bahan masakan dan rempah ratus dan ditambah sedikit kacang tanah di atasnya sebelum proses menggoreng.

Cara hidangan Nasi Ambeng Negeri Selangor:

(*a*) dihidang secara tradisional di dalam talam yang untuk empat hingga lima orang makan;


(*b*) daun pisang bersaiz besar diletakkan sebagai pelapik makanan di dalam talam;

(*c*) letakkan nasi putih di atas daun pisang tersebut;

(*d*) potong daun pisang menjadi bentuk bulat kecil dan dilapiskan di atas nasi tersebut;

(*e*) letakkan seekor ayam masak semur di bahagian tengah daun pisang kecil tersebut; dan

(*f*) letakkan mi goreng, ikan masin bulu ayam, serunding kelapa, sambal goreng dan rempeyek di keliling ayam masak semur tersebut.



Bertarikh 22 September 2022
[(50) PADAT/P/295 Jld. 6: P.U.Sel. ADV.MMKN(R) 01/47]

MOHD REIZAL BIN SUMAIRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Selangor

CamScanner

In exercise its powers conferred by subsection 3(2) the State of Selangor Malay Custom and Heritage Corporation Enactment 2009 [*Enactment No. 4/2009*], the State Authority declares the object specified in Schedule to be historical object:

SCHEDULE

Categories	*Historical Object*
Rice	Nasi Ambeng

The characteristics of *Nasi Ambeng* Negeri Selangor:

(a) white rice (plain);

(b) chicken *semur* that is chicken in soy sauce and spices;

(c) fried noodle;

(d) *ikan masin bulu ayam* fried without flour;

(e) golden brown dried coconut floss;

(f) fried chili which is mixed fried of onions., chilies, dried shrimp, chicken liver, tofu, fermented soybean, dried tofu sheet, glass noodle, potatoes, long beans and a little bit of soy sauce; and

(g) *rempeyek* which is a mixture of rice flour mixed with cooking ingredients and spices and added with some peanut on the top before frying process.

Methods of serving *Nasi Ambeng* Negeri Selangor:

(a) served traditionally in a tray for four to five persons eating;

(b) large banana leaf is placed as food liners on the tray;

(c) put the plain white rice on the banana leaf;


(d) cut the banana leaf into a small round shape and layered on top of the rice;

CamScanner

Categories	*Historical Object*

(e) put the chicken *semur* (whole) in the middle of the small banana leaf; and

(f) put the fried noodle, *ikan masin bulu ayam*, dried coconut floss, fried chilli and *rempeyek* around the chicken *semur*.



Dated 22 September 2022
[(50) PADAT/P/295 Jld. 6: P.U.Sel. ADV.MMKN(R) 01/47]

MOHD REIZAL BIN SUMAIRI
Clerk
State Executive Council
Selangor

CamScanner